

# Isu kurang pekerja asing diselesai akhir bulan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sumber Manusia (KSM) memberi jaminan, isu kekurangan pekerja asing dalam sektor perkhidmatan sajian, khususnya di restoran mamak serta makanan India seluruh negara akan diselesaikan hujung bulan ini.

Menterinya, Datuk Seri M Saravanan, berkata sejumlah pekerja asing dari Bangladesh akan masuk untuk memenuhi keperluan mendesak pengusaha restoran tersebut.

Katanya, perkara itu terpaksa dilaksanakan memandangkan situasi yang melanda restoran mamak dan premis makanan lain terlalu kritikal disebabkan tiada rakyat tempatan mahu mengambil peluang mengisi kekosongan berkenaan.

"Saya setuju untuk mengakui situasi di restoran di se-

luruh negara seperti di kedai mamak sangat kritikal dan ia sudah disampaikan ke peringkat Kabinet untuk tindakan lanjut," katanya kepada *BH*, semalam.

*BH* semalam melaporkan kekurangan tenaga kerja yang membelenggu sektor perkhidmatan sajian dan restoran sejak COVID-19 melanda negara ini, menyebabkan lebih 2,000 restoran mamak terpaksa menutup perniagaan sejak 2020.

Kekurangan tenaga kerja berlaku bukan saja disebabkan kebanyakan pekerja asing terpaksa pulang kerana tamat permit kerja atau terkandas akibat pandemik ketika balik bercuti di negara asal, tetapi juga disebabkan kesukaran mendapatkan pekerja tempatan bagi mengisi kekosongan itu.

Dalam laporan itu juga, Pre-



siden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Datuk Jawahar Ali Taib Khan, menyifatkan kekurangan tenaga kerja kini menjadi isu besar yang semakin kritikal membelenggu ahlinya di seluruh negara.

Mengulas mengenai rakyat tempatan yang enggan bekerja di restoran mamak, Saravanan berkata, beliau juga buntu de-

ngan perkara itu, namun tidak sekali-kali menyalahkan sektor ekonomi gig yang sedang berkembang dan menjadi pilihan ramai anak muda di seluruh negara.

"Restoran mamak dan India melakukan pelbagai usaha untuk menarik minat berkhidmat dengan mereka, malah menyertai iklan MYFutureJobs yang dianjurkan KSM, tetapi belum ada peningkatan dalam pengambilan pekerja.

"Keadaan itu menyebabkan Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (PRIMAS) sendiri terpaksa menaikkan kadar gaji bulanan melebihi RM2,000, jauh lebih tinggi daripada gaji minimum ditetapkan kerajaan.

"Bagaimanapun, ia masih segal menarik minat orang kita dan perkara ini saya su-

dah sampaikan kepada Kabinet supaya tindakan segera dilaksanakan," katanya.

Saravanan berkata, trend dan budaya rakyat Malaysia khususnya beliau memilih pekerjaan dalam ekonomi gig juga tidak boleh dipersalahkan kerana situasi ini bukan terjadi di negara ini saja, sebaliknya pada peringkat global.

"Golongan beliau tidak boleh dipersalahkan dengan mengatakan mereka memilih pekerjaan, mereka bukan tidak mahu kerja tetapi budaya (berkhidmat dalam ekonomi gig) sedang berlaku di seluruh negara seperti Singapura dan Dubai.

"Syarikat seperti Grab atau FoodPanda menawarkan waktu kerja lebih fleksibel, ini budaya sedang berlaku dalam dunia sekarang," katanya.